

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Ketua Polis Negara - Bahagian Kewangan  
Pengarah Jabatanarah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)  
Semua Ketua Perwakilan Luar Negeri  
Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri  
Semua Pengarah Negeri Dan Cawangan Jabatan Akauntan Negara  
Semua Pusat Gaji



## KERAJAAN MALAYSIA

### **SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 5 TAHUN 2008**

#### **PERATURAN PEMBAYARAN IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI KEPADA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2008**

#### **1. TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan peraturan pembayaran berikut:-
- i) Imbuhan Tahunan kepada anggota dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan; dan

- ii) Bayaran Khas Prestasi kepada anggota dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.
- 1.2 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2008.

## **2. ASAS PERKIRAAN IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI**

- 2.1 Kadar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang perlu dibayar hendaklah dikira berdasarkan kepada gaji pokok (termasuk elaun memangku) bagi bulan Ogos 2008 kecuali pegawai yang tidak lagi berkhidmat pada bulan Ogos 2008, perkiraan adalah berdasarkan kepada gaji pokok terakhir.
- 2.2 Kadar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi telah ditetapkan bagi pegawai yang genap satu tahun kalendar perkhidmatan bagi tahun 2008 adalah:-
  - i) **1 bulan gaji** bagi anggota yang berpendapatan melebihi RM1,000.00 sebulan dan
  - ii) RM1,000.00 bagi anggota yang berpendapatan kurang RM1,000.00

## **3. PERATURAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI**

- 3.1 Pembayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi akan dibuat separuh bersama gaji bulan September 2008 dan separuh lagi bersama gaji bulan Disember 2008. Dalam membuat pembayaran ini, peraturan-peraturan berikut perlu dipatuhi:-

### **3.1.1 Cukai Pendapatan**

Cukai pendapatan tidak dipotong dari amaun Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang hendak dibayar, tetapi Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi tersebut akan diambilkira dalam Penyata Pendapatan Tahunan untuk tujuan penaksiran cukai pendapatan. Anggota Perkhidmatan Awam digalakkan untuk menjelaskan sendiri cukai pendapatan berkenaan berdasarkan kepada Jadual (Kaedah 3) Potongan Cukai Bulanan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

### **3.1.2 Potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)**

Di bawah tafsiran ‘upah’ dalam seksyen 2, Akta KWSP 1991, Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini adalah dikenakan caruman KWSP. Potongan caruman pekerja dan bayaran caruman majikan perlu dibuat dengan wajarnya.

### **3.1.3 Bayaran bagi anggota di bawah Sistem Gaji Berkomputer**

Bagi Anggota Perkhidmatan Awam di mana gajinya dibayar melalui Sistem Gaji Berkomputer perkara berikut hendaklah diambil maklum:-

- i) Penyata Perubahan (Kew.8) tidak perlu disertakan. Pejabat Perakaunan (Negeri/Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Jabatan Mengakaun Sendiri) akan mengeluarkan **Laporan ZRPY030** sebagai menggantikan Borang Perubahan (SG20) untuk bayaran yang pertama dan kedua.
- ii) Kementerian/Jabatan hendaklah **menyemak** amaun Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang dibayar seperti di dalam **Laporan ZRPY030** terutama sekali mereka yang tidak layak menerimanya dan mereka yang hanya layak menerimanya secara

“proportionate” seperti yang tersebut di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2008. Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian/Jabatan mengutip semula atau memotong daripada gaji bulan berikut amanun yang tidak layak diterima oleh seseorang Anggota Perkhidmatan Awam.

- iii) Bagi anggota yang tidak tersenarai dalam Laporan ZRPY030 seperti di para 3.1.3 (ii) tetapi gajinya adalah diproses dalam Sistem Gaji Berkompputer, bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi hendaklah dibuat melalui SG20 pada bulan berikutnya.

#### **3.1.4 Pembayaran Melalui Baucer Berasingan**

Bagi Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang dibayar melalui baucer berasingan hendaklah disertakan Penyata Perubahan (Kew.8) dan lain-lain dokumen sokongan.

#### **3.1.5 Pelarasan untuk Imbuhan Tahunan Dan Bayaran Khas Prestasi**

Pelarasan yang sewajarnya jika perlu hendaklah dibuat oleh Kementerian/Jabatan dalam bulan Disember 2008.

#### **3.1.6 Kod Urusniaga**

Kod-kod urusniaga yang perlu digunakan adalah seperti berikut:-

| <b>KOD</b>  | <b>KOD</b>   | <b>PERIHAL KOD ELAUN</b>            |
|-------------|--------------|-------------------------------------|
| <b>SODO</b> | <b>ELAUN</b> |                                     |
| 15103       | 1056         | Imbuhan Tahunan Kakitangan Awam     |
| 15204       | 1056         | Imbuhan Tahunan Pasukan Keselamatan |

| <b>KOD<br/><u>SODO</u></b> | <b>KOD<br/><u>ELAUN</u></b> | <b>PERIHAL KOD ELAUN</b>   |
|----------------------------|-----------------------------|--|
| 29304                      | 1056                        | Imbuhan Tahunan Pekerja Sementara Dan Sambilan Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap |
| 15105                      | 1501                        | Bayaran Khas Prestasi Jawatan Utama  |
| 15205                      | 1501                        | Bayaran Khas Prestasi Pasukan Keselamatan  |
| 15103                      | 1533                        | Pelarasan Imbuhan Tahunan Kakitangan Awam  |
| 15204                      | 1533                        | Pelarasan Imbuhan Tahunan Pasukan Keselamatan                                      |
| 15105                      | 1532                        | Pelarasan Bayaran Khas Prestasi Jawatan Utama                                      |
| 15205                      | 1532                        | Pelarasan Bayaran Khas Prestasi Pasukan Keselamatan                                |

- 3.2 Pembayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini adalah menjadi tanggungjawab pejabat di mana gaji pegawai berkenaan dibayar.

#### **4. PERUNTUKAN UNTUK MEMBAYAR IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI**

- 4.1 Kementerian/Jabatan Kerajaan hendaklah membayar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini daripada peruntukan tahun semasa yang sedia ada. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi, permohonan peruntukan tambahan hendaklah dibuat kepada Perbendaharaan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“Perakaunan Berintegriti Perkhidmatan Berkualiti”**

  
**(DATO' MOHD SALLEH BIN MAHMUD)**  
Akauntan Negara Malaysia.  
10 September 2008

- s.k. 1. Ketua Audit Negara.  
2. Semua Akauntan/Bendahari Negeri  
3. Ketua Eksekutif, Lembaga Hasil Dalam Negeri.  
4. Pengurus Besar KWSP.